

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

HSB 333 - Imperialisme dan Nasionalisme di
Benua Kecil India

Tarikh: 2 November 1987

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN(8) SOALAN.

Jawab EMPAT(4) soalan.

1. "Taktik-taktik peperangan boleh dipelajari di dalam masa yang singkat; apa yang tidak boleh diperolehi dengan mudah ialah semangat. Di sinilah letaknya kelemahan serius orang-orang India." (Tara Chand)

Adakah pernyataan ini menawarkan satu kesimpulan yang sahih mengenai kelemahan kuasa-kuasa India dalam peperangan dengan British?

2. "Untuk meletakkan semua kesalahan di atas bahu orang British kerana kegagalan ekonomi India adalah ternyata salah." (Barrington Moore)

Dengan merujuk kepada pendapat di atas, bincangkan punca-punca yang menyekat pertumbuhan ekonomi India dalam tempoh 1757-1947.

3. T.R. Metcalf menghujahkan bahawa "pemerintahan British telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk selama tiga puluh tahun, iaitu dari tahun 1828 hingga 1857, supaya menukar masyarakat India kepada satu contoh berwajah Eropah."

Bincangkan pandangan ini?

4. "Sumbangan utama Rammohun Roy dan pengganti-penggantinya dalam Brahma Samaj ialah mengutarakan idea-idea asas mengenai hubungan antara tamadun India dan tamadun Barat." (Stephen Hay)

Bincangkan.

.../2

5. "Gerakan pembaharuan Sayyid Ahmad Bareilly dan orang-orang Faraizi telah menyumbangkan kepada penukaran secara beransur-ansur kaum Muslim India." (P. Hardy)

Dengan merujuk kepada pernyataan ini, huraikan kesan-kesan Gerakan Jihad ke atas kaum Muslim India.

6. "Garis pemisah antara pemberontak dan orang yang setia kepada British adalah kabur. Apa yang berlaku pada tahun 1857 ialah satu perjuangan raksasa untuk mengisi kekosongan yang diwujudkan oleh pemergian British." (E.I. Brodtkin)

Nilaikan kesahan pandangan ini.

7. "Kongres Kebangsaan India tidak berkeupayaan untuk meyakinkan penduduk tanpa pendidikan Inggeris atau harta bahawa pelaksanaan rancangan-rancangan Kongres akan membawa satu kehidupan yang lebih baik." (J.R. McLane)

Dengan merujuk kepada pernyataan ini, terangkan sebab-musabab yang menghalang Kongres Kebangsaan India daripada memikat hati rakyat jelata sebelum tahun 1920.

8. Mengapakah penglibatan orang kebanyakan dalam pergerakan nasionalisme India sejak tahun 1920-an telah disertai dengan keganasan dan tumpahan darah?

-ooo000ooo-